

AMAR MAKRUF NAHI MUNGKAR TUGAS BERSAMA

Oleh:
Mohamad Faizal bin Ahmat
Jabatan Pengajian Am, Politeknik Merlimau

PENDAHULUAN

"Ustaz, saya ada perkara nak bagitahu, kawan serumah saya tidak pergi solat jumaat, asyik tidur je..."; "ada kawan saya yang minum arak kat rumah sewa pulak tu...pening saya. ustaz, kawan saya bawa teman lelaki dia masuk bilik dalam rumah sewa kami, tetapi saya tidak tahu nak buat macamana?...". Ini adalah sebahagian daripada rungutan dan aduan pelajar yang pernah di kemukakan. Sebenarnya banyak lagi kemungkaran dan masalah sosial yang dilakukan sama ada tersembunyi ataupun secara terbuka.

AMAR MAKRUF NAHI MUNGKAR

Pada ruang yang terhad, ini penulis ingin mengajak semua warga PMM untuk sama menjalankan *amar makruf nahi mungkar* (menyuruh kebaikan dan mencegah kemungkaran) mengikut kuasa dan kemampuan kita. Kewajipan ini bukan terletak kepada individu tertentu sahaja tetapi semua orang yang beriman. Di bawah adalah dalil-dalil naqli daripada al-Quran berhubung amar makruf nahi mungkar. Allah yang bermaksud berfirman:

"Dan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan setengah mereka menjadi pemimpin kepada setengah yang lain; mereka menyuruh mengerjakan yang baik dan melarang dari mengerjakan yang jahat dan mereka mendirikan sembahyang." (at-Taubah: 71)

Allah mensifatkan orang-orang yang beriman itu sebagai orang-orang yang menyuruh mengerjakan kebaikan, maka dengan itu sesiapa yang meninggalkan tugas menyuruh membuat yang baik itu terkeluarlah ia daripada golongan orang-orang yang disifatkan oleh Allah dalam ayat tersebut sebagai orang yang beriman.

Allah berfirman yang bermaksud:

"Wajiblah ada di antara kamu suatu tempat (golongan) yang menyeru (manusia) kepada melakukan kebaikan, menyuruh berbuat baik dan melarang berbuat yang jahat. Mereka itulah orang yang berjaya (bahagia)." (ali-Imran: 104)

Ayat yang tersebut di atas amat jelas sekali menunjukkan kewajiban hukum *amar ma'ruf dan nahi munkar*. Sebab perkataan *waltakun* yang bermaksud *wajiblah* merupakan suatu perintah, dan *zahir* sekali perintah itu menunjukkan kewajiban perkara yang disuruh.

Maksud firman Allah SWT:

"Allah telah meletakkan laknatNya ke atas orang-orang kafir dari kaum Bani Israel atas lisan (lidah) Daud dan Isa bin Maryam. Yang demikian disebabkan mereka menderhaka dan sering melanggar batas. Mereka itu selalunya tiada larang melarang terhadap kejahatan yang mereka lakukan. Alangkah buruknya perilaku yang mereka lakukan itu." (al-Maidah 78-79)

Ayat tersebut merupakan kemuncak ancaman dan kemurkaan dari Allah Ta'ala kerana yang menyebabkan mereka ditimpa laknat itu ialah kerana mereka meninggalkan nahi mungkar; iaitu mencegah orang dari melakukan kejahatan. Apabila berlakunya kemungkaran, tiada yang mencegahnya maka tunggulah azab dan bala turun daripada Allah.

Berfirman Allah Ta'ala lagi:

"Kamu sekalian adalah sebaik-baik ummat yang dilahirkan untuk kepentingan manusia, kamu menyuruh berbuat kebaikan dan melarang berbuat kejahatan." (ali-Imran : 110)

Ayat tersebut menunjukkan bahawa tugas amar ma'ruf dan nahi mungkar itu paling utama sekali kerana Allah telah memberi pujian kepada orang yang menjalankan tugas ini, sebagai sebaik-baik ummah di atas muka bumi ini. Inilah ganjaran yang Allah berikan kepada mereka yang berjalan kerja *amar makruf nahi mungkar*.

Pelbagai metodologi dakwah dalam kewajiban muslim untuk melaksanakan *amar makruf dan nahi*, berdasarkan hadis yang bermaksud: *"Siapa yang melihat kemungkaran hendaklah dia mengubahnya (taghyir) dengan tangan, jika tidak mampu hendaklah mengubahnya dengan lidah, jika tidak mampu hendaklah dia mengubahnya dengan hati, dan yang demikian itu adalah selemah-lemah iman." (Hadis riwayat Muslim)*

PENUTUP

Oleh itu ruang lingkup amar makruf nahi mungkar adalah luas, contohnya, pensyarah boleh memberi nasihat kepada pelajar dalam masa 3-5 minit sebelum memulakan kuliah, pelajar boleh memberi nasihat ataupun mengadukan kepada pihak tertentu jika mendapati rakannya melakukan mungkar dan kesalahan. *Wallahua'lam*.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim